


AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 07 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Struktur ban sudah dibaik pulih



LAPORAN portal Harian Metro sebelum ini.

Shah Alam: Kerja-kerja membaik pulih struktur ban berdekatan kolam di Tasik Black Water di Bandar Mahkota Cheras susulan hakisan tanah pada Ahad lalu sudah dilaksanakan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Hee Loy Sian berkata, tindakan yang dijalankan adalah dengan mengukuhkan ban berkenaan bagi mengelakkan aliran efluen kehitaman (leachate) dari kolam itu mengalir masuk ke alur berhampiran Sungai Perimbun iaitu anak Sungai Langat.

"Ia susulan berlakunya hakisan tanah yang mengakibatkan kegagalan struktur ban di kawasan kolam itu dan seterusnya leachate melimpah (overflow) dari kawasan berkenaan (Tasik Black Water) yang sebelum ini menjadi tempat pembuangan sampah haram.

"Pemantauan rapi dan statik di Sungai Perimbun serta Sungai Langat dilaksanakan oleh LUAS dan berdasarkan siasatan LUAS mendapati bacaan bau adalah sifar ton justeru tiada gangguan kepada operasi Loji Rawatan Air (LRA) Cheras Batu 11," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Hee berkata, LUAS akan membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 79 (1) Enakmen LUAS 1999 yang memperuntukkan denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta dan penjara tidak kurang tiga tahun, jika sabit kesalahan berkenaan aktiviti pembuangan sampah haram di tasik itu.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

Katanya, terdahulu pada 31 Mei lalu, satu operasi bersepadu yang diketuai Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ); LUAS; Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) Hulu Langat dijalankan di tasik yang dipenuhi sampah sarap itu.

"MPKJ sudah bertindak menyita kawasan tasik itu dan Notis Pemberhentian Aktiviti Kerja akan diberikan kepada pemilik tanah selepas maklumat status tanah diterima dari PDT Hulu Langat.

"Pihak PDT Hulu Langat juga akan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik tanah bagi arahan pemulihan segera tanah," katanya.